

Malaysia hormati keputusan sidang APEC

Daripada JOHAN JAAFFAR dan HANAFIAH MAN

JAKARTA 16 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menolak dakwaan bahawa Malaysia tidak menghormati keputusan para pemimpin 18 negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang lain kerana tindakannya mengadakan dokumen tambahan berupa lampiran kepada perisytiharan di Bogor semalam.

Beliau berkata, rasa keberatan Malaysia terhadap beberapa isu pokok perisytiharan itu tidak harus dilihat sebagai sikap negara ini menentang perisytiharan tersebut.

"Saya ingin menegaskan di sini bahawa Malaysia akur dengan persetujuan pemimpin APEC dan berjanji akan memastikan kejayaan pelaksanaan perisytiharan tersebut," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian sewaktu diuji pertanyaan oleh lebih 200 orang wartawan pada sidang akhbar di Dewan Mercantile Club bangunan Bank

Central Asia (BCA) di sini hari ini.

Beliau berkata, Malaysia menyokong penuh perisytiharan itu dan tidak ada sebab untuk menentanginya.

"APEC bercakap dalam satu suara. Kerana itu pendirian tegas Malaysia berhubung tarikh pelaksanaan sistem perdagangan bebas, tidak harus dianggap sebagai pandangan janggal negara APEC.

[Lagi berita APEC di muka 5]

"Sekali lagi saya ingin tegaskan di sini, bahawa untuk melaksanakan perdagangan bebas itu sepenuhnya harus juga diambil kira kemampuan ekonomi negara-negara anggota APEC," kata beliau.

Menurut Dr. Mahathir, Presiden Suharto sendiri selaku pengerusi sidang itu mencadangkan dokumen tambahan itu disediakan sewaktu pertemuannya sebelum sidang kemuncak di Bogor itu.

■ Lihat muka 2

Malaysia hormati keputusan sidang APEC

Beliau berpendapat, oleh kerana tidak ada bantahan daripada mana-mana pihak, pendirian Malaysia itu dianggap diterima oleh semua pihak.

Menjawab satu soalan mengapa Malaysia sahaja yang menjuarai isu ini Dr. Mahathir berkata, walaupun banyak negara lain mempunyai pandangan yang sama tetapi nampaknya lebih rela melepaskan Malaysia untuk menyuarakan sebarang bentuk bantahan.

Pendirian Malaysia yang tidak bersetuju mengenai empat bahagian perisytiharan 11 perkara itu dinyatakan dalam satu lampiran yang dikeluarkan bersama Perisytiharan APEC itu.

Dr. Mahathir juga menolak dakwaan bahawa Ma-

aysia tidak bersetuju dengan sebarang usaha untuk meliberalkan dagang.

"Malaysia komited kepada soal perdagangan bebas dan telah melaksanakannya sejak sekian lama," ujar beliau.

Perkara kedua dalam lampiran yang disediakan oleh Malaysia itu menyebutkan pendirian tegas Malaysia berhubung penetapan satu tarikh pelaksanaan.

Dokumen itu antara lain menyebutkan bahawa tarikh sasaran 2020 (untuk negara membangun) dan 2010 (untuk negara maju) adalah sekadar tarikh petunjuk dan tidak mengikat.

Semalam Suharto membacakan perisytiharan yang disetujui oleh pemimpin-pemimpin nega-

ra APEC bagi menentukan masa depan kerjasama ekonomi bagi rantau Asia-Pasifik dan dunia seluruhnya. Soal tarikh penetapan waktu pelaksanaan juga dimuatkan dalam perisytiharan yang dibacakan itu.

Para pemerhati berpendapat kesediaan anggota sidang untuk menerima pandangan Malaysia dianggap sebagai kompromi Malaysia untuk menerima beberapa cadangan yang terkandung dalam draf awal perisytiharan itu.

Perisytiharan itu yang dicapai secara sebulat suara menuntut komitmen negara-negara anggota untuk mewujudkan sistem perdagangan bebas yang komprehensif menjelang tahun 2020.

Dalam sidang akhbar itu

juga Dr. Mahathir bersetuju bahawa keputusan itu seharusnya merupakan komitmen politik semua negara anggota APEC termasuk Malaysia.

Dr. Mahathir bagaimanapun memberikan hurai-pan panjang lebar mengapa Malaysia mempunyai pandangan yang berbeza.

Menurut beliau, menetapkan tarikh pelaksanaan sepenuhnya dagangan bebas memang mudah, tetapi negara-negara anggota APEC harus ingat bahawa forum kerjasama itu dianggotai oleh dua ekonomi terbesar dunia selain negara-negara yang pendapatan per kapitanya di sekitar AS\$500 sahaja. — *Utusan*.